

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HGF 221 Geografi Fizikal

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. "Bahangan matahari yang diterima di kawasan-kawasan yang berbeza di permukaan bumi adalah tidak sama, di mana setengah kawasan menerima jumlah bahangan yang berlebihan dan setengah kawasan menerima jumlah bahangan yang berkurangan. Walau bagaimanapun, tidak ada kawasan di dunia ini menjadi semakin panas atau semakin sejuk". Bincangkan.  
(25 markah)
2. Apakah kepentingan proses-proses seperti sejatan, sejat-peluhan, sejat-peluhan bakal dan transpirasi di dalam kitaran hidrologi di sesuatu kawasan.  
(25 markah)
3. (a) Di atas peta dunia (Lampiran), lakarkan taburan pola-pola tekanan udara sedunia bagi bulan Januari dan bulan Julai.  
(4 markah)  
(b) Huraikan taburan pola-pola tekanan udara sedunia bagi bulan-bulan tersebut.  
(6 markah)  
(c) Dengan merujuk kepada suatu kawasan tertentu, bincangkan bagaimana pola taburan zon-zon tekanan pada bulan-bulan yang berbeza dapat mempengaruhi tiupan angin monsun.  
(15 markah)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Tulis nota tentang perkara-perkara berikut:

- (a) Pandangan Eric H. Brown (1975) terhadap Geografi Fizikal. (10 markah)
- (b) Hubungan plat tektonik dengan gempa bumi. (8 markah)
- (c) Aphanitik dan phaneritik dalam batuan igneus. (7 markah)

6. (a) Mineral sebagai komponen penting di dalam batuan boleh dikenalpasti dengan beberapa cara. Jelaskan 5 cara tersebut dengan memberi contoh-contoh mineral yang berkaitan. (12 markah)

(b) Bezakan Kekerasan dengan Tenasiti. (8 markah)

(c) Apakah Skala Mohs? (5 markah)

7. Jawab semua perkara berikut:

(a) Bezakan Mekanisma pergerakan jisim perlahan dengan pergerakan jisim cepat. (10 markah)

(b) Jelaskan dengan terperinci 5 kelas pergerakan jisim berdasarkan jenis pergerakan utamanya. Sertakan gambarajah bagi menyokong jawapan anda. (10 markah)

(c) Nyatakan langkah-langkah pencegahan yang sesuai untuk 5 kelas di atas. (5 markah)

LAMPIRAN

PETA DUNIA

